

Headline	RM624,880 biayai rumah Pengasih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,710



## RM624,880 biayai rumah Pengasih

**KUALA LUMPUR 14 Okt.** - Kerajaan memperuntukkan kira-kira RM625,000 kepada Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) pada tahun ini untuk membiayai rumah perlindungan untuk penghidap HIV/AIDS.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, bantuan yang disediakan oleh kementerian itu sejak 2011 bagaimanapun tamat tahun ini ekoran semua isu dan perkara melibatkan HIV/AIDS akan diletakkan di bawah pemantauan Kementerian Kesihatan mulai tahun depan.

Beliau turut mengucapkan tahniah di atas segala kejayaan dan usaha Pengasih dalam membantu pemulihan penagih dadah.

“Melalui inisiatif Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) kerajaan meletakkan beberapa strategi bagi memperkukuhkan pemulihan, rawatan dan program selepas pemulihan untuk mengurangkan kadar pengulangan jenayah dan penagih dadah berulang.

“Kerajaan menyasarkan pe-



**ROHANI ABDUL KARIM (dua dari kanan) beramah mesra dengan bekas pelatih semasa melawat Pengasih di Kuala Lumpur, semalam. Turut sama Jamilah Anu (tiga dari kanan) dan Mohd. Yunus Pathi (kanan).**

ngurangan kadar jenayah kepada lima peratus manakala kadar penagih dadah berulang kepada 35 peratus menjelang 2020,” katanya ketika berucap semasa lawatan isteri Ketua Menteri Sarawak, Puan Sri Jamilah Anu di Rumah Pengasih, di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden Pengasih, Datuk Mohd. Yunus Pathi.

Rohani berkata, kerajaan turut memperkukuhkan program pem-

angunan sendiri yang menyediakan latihan kemahiran, kaunseling dan keusahawanan untuk membantu penagih dadah yang pulih dan tidak kembali ke aktiviti tersebut.

“Kerajaan juga memperkenalkan Program Pemulihan Pemasarakatan (CRP) bagi memastikan bekas penagih dadah mendapat pekerjaan apabila diintegrasikan ke dalam masyarakat kelak,” ujarnya.